



JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)
MALAYSIA

JURNAL PENGURUSAN JAWHAR

Vol. 6, No. 1, 2012

ISSN 1985-2010

KANDUNGAN

Pengurusan Ibadat Haji: Kajian Keberkesanan Program Bimbingan Haji, Lembaga Tabung Haji Malaysia Di Tanah Suci Mekah 1430H/1431H

Tn. Hj. Lukmanul Hakim Hj. Hanafi, Prof. Dr. Hj. Abdul Samat Musa &
Th. Hj. Syed Najihuddin Syed Hassan

Keberkesanan Pengurusan Zakat Secara Korporat: Tinjauan Prestasi Kutipan Zakat Harta Negeri Pahang Tahun 2000-2010

Dr. Nasrul Hisyam Nor Muhamad & Mohd Azli Abdullah

Isu - Isu Perundangan Dalam Pentadbiran Dan Pengurusan Wakaf Dan Zakat Di Malaysia
Norilawati Ismail

Persepsi Amil Dan Asnaf Terhadap Lokalisasi Zakat: Kajian Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Hairunnizam Wahid, Radiah Abdul Kader & Sanep Ahmad

**Teori Pemilikan Tanah Di Bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok)
1960: Satu Tinjauan Dari Perspektif Syarak**

Dr. Zulkifli Mohamad, Prof. Madya Dr. Ruzman Md. Noor & Prof. Madya Dr. Suwaid Tapah

Pengaruh Faktor Keagamaan Terhadap Kualiti Hidup Asnaf Fakir Dan Miskin: Satu Tinjauan Awal
Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader

Pemilikan Dan Persepsi Pusaka Akta Tanah 1960: Kajian Kes Di Felda Lurah Bilut, Bentong Pahang
Dr. Zulkifli Mohamad, Prof. Madya Dr. Suwaid Tapah & Prof. Madya Dr. Ruzman Md. Noor

Bantuan Modal Zakat Dan Kejayaan Usahawan Asnaf: Isu Penentuan Jumlah Modal Optimum
Sanep Ahmad, Aniza Hussin & Rosbi Abd. Rahman

Peranan Institusi Wakaf Dalam Pembangunan Komuniti: Keperluan Sistem Maklumat Geografi (Geographic Information System)

Amaludin Ab. Rahman, Zaid Ahmad, Asnarulkhadi Abu Samah, Nurdeng Duraseh
Nurul Azra Ab. Malik & Nik Mohd Saiful W. Mohd Sidik

Jurnal

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)
JABATAN PERDANA MENTERI



Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) 2012

Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenar dikeluarkan semula mana-mana bahagian artikel atau isi kandungan Jurnal ini dalam apa saja bentuk atau dengan apa-apa cara tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Editor, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).

Skop

Jurnal Pengurusan JAWHAR diterbitkan dua kali setiap tahun oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Ianya adalah jurnal pengurusan yang dihasilkan untuk menggalakkan penyelidikan dan penyebaran maklumat mengenai prinsip dan tadbir urus terbaik institusi wakaf, zakat, mal dan haji yang efisien dan dinamik. Jurnal ini mengumpulkan pelbagai jenis artikel daripada pelbagai aspek pembangunan pengurusan dan cara praktis yang sesuai untuk pentadbiran institusi wakaf, zakat, mal dan haji negara. Kriteria penilaian adalah berdasarkan hasil kerja penulisan asal yang belum pernah diterbitkan dan mempunyai nilai-nilai '*applied*' yang wajar diketengahkan dalam usaha penambahbaikan pengurusan serta pengukuhan institusi wakaf, zakat, mal dan haji.

Tanggungjawab kepada fakta dan pandangan dalam artikel-artikel ini adalah terletak secara eksklusif ke atas penulis semata-mata. Penghujahan mereka tidak semestinya menggambarkan pandangan atau polisi JAWHAR mahupun Kerajaan Malaysia.

Diterbitkan oleh:

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

Jabatan Perdana Menteri

Aras 7, Blok E2, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62502 PUTRAJAYA

Tel: 603-88837400 Faks: 603-88837509

Dicetak oleh:

Berkat Ikhlas Trading

No.14, Jalan 1/4

43650 Bandar Baru Bangi

SELANGOR

Tel: 603-89253375 Faks: 603-89253375

KANDUNGAN

Kata-kata Ketua Pengarah

iii

1. **Pengurusan Ibadat Haji: Kajian Keberkesanan Program Bimbingan Haji, Lembaga Tabung Haji Malaysia Di Tanah Suci Mekah 1430/1431H**
Tn. Hj. Lukmanul Hakim Hj. Hanafi, Prof. Dr. Hj. Abdul Samat Musa & Tn. Hj. Syed Najihiddin Syed Hassan
2. **Keberkesanan Pengurusan Zakat Secara Korporat: Tinjauan Prestasi Kutipan Zakat Harta Negeri Pahang Tahun 2000-2010**
Dr. Nasrul Hisyam Nor Muhamad & Mohd Azli Abdullah
3. **Isu-isu Perundangan Dalam Pentadbiran Dan Pengurusan Wakaf Dan Zakat Di Malaysia**
Norilawati Ismail
4. **Persepsi Amil Dan Asnaf Terhadap Lokalisasi Zakat: Kajian Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**
Hairunnizam Wahid, Radiah Abdul Kader & Sanep Ahmad
5. **Teori Pemilikan Tanah Di Bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960: Satu Tinjauan Dari Perspektif Syarak**
Dr. Zulkifli Mohamad, Prof. Madya Dr. Ruzman Md. Noor & Prof. Madya Dr. Suwaid Tapah
6. **Pengaruh Faktor Keagamaan Terhadap Kualiti Hidup Asnaf Fakir Dan Miskin: Satu Tinjauan Awal**
Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader
7. **Pemilikan Dan Persepsi Pusaka Akta Tanah 1960: Kajian Kes Di Felda Lurah Bilut, Bentong Pahang**
Dr. Zulkifli Mohamad, Prof. Madya Dr. Suwaid Tapah & Prof. Madya Dr. Ruzman Md. Noor
8. **Bantuan Modal Zakat Dan Kejayaan Usahawan Asnaf: Isu Penentuan Jumlah Modal Optimum**
Sanep Ahmad, Aniza Hussin & Rosbi Abd. Rahman
9. **Peranan Institusi Wakaf Dalam Pembangunan Komuniti: Keperluan Sistem Maklumat Geografi (*Geographic Information System*)**
Amaludin Ab. Rahman, Zaid Ahmad, Asnarulkhadi Abu Samah, Nurdeng Duraseh, Nurul Azra Ab. Malik & Nik Mohd Saiful Mohd Sidik

PENGARUH FAKTOR KEAGAMAAN TERHADAP KUALITI HIDUP ASNAF FAKIR DAN MISKIN: SATU TINJAUAN AWAL¹

Oleh:

Hairunnizam Wahid²

Sanep Ahmad³

Radiah Abdul Kader⁴

ABSTRAK

Faktor keagamaan adalah penting kerana ia memberi kesan kepada kesihatan mental, mengubah sikap individu ke arah kehidupan yang positif yang akhirnya memberi kesan ke atas keadaan ekonomi dan gaya hidup individu. Selain itu dikatakan juga bahawa kehidupan beragama dapat menjamin keadaan hidup yang bahagia. Lantaran itu, program keagamaan yang diterapkan oleh institusi zakat adalah bertujuan meningkatkan kefahaman ajaran Islam yang akhirnya diharap dapat mengubah nasib asnaf dalam aspek ekonomi dan keadaan hidup mereka. Namun, adakah benar terdapat hubungan yang signifikan antara nilai keagamaan dan kualiti hidup golongan asnaf. Kajian ini cuba menguji kewujudan hubungan antara faktor keagamaan dan kualiti hidup individu asnaf. Kajian ini akan membina pembolehubah nilai keagamaan berasaskan tiga komponen utama iaitu perbuatan individu yang berkaitan hukum wajib, haram dan sunah dalam akidah, syariah dan akhlak dan seterusnya menguji hubungannya dengan beberapa pembolehubah termasuklah kualiti hidup manusia berasaskan laporan Unit Perancang Ekonomi (2002). Sampel kajian ini ialah golongan fakir dan miskin yang menerima bantuan kewangan zakat secara bulanan melibatkan beberapa negeri di Semenanjung Malaysia iaitu Selangor, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Melaka dan Terengganu. Beberapa implikasi dasar dan cadangan turut dibincangkan dalam kajian ini.

Perkataan Teras : Indeks Keagamaan, Kualiti Hidup, Pendapatan

Klasifikasi JEL : G28, H75, Z12

¹ Penyelidikan di bawah geran UKM-GUP-JKKBG-08-03-009. Keberkesanan Bantuan Modal dalam Agihan Zakat: Kes Asnaf Fakir dan Miskin

² Pensyarah kanan, Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan UKM. Calon PhD UM.

³ Profesor Madya (PhD) Pusat Pengajian Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan UKM

⁴ Profesor Madya (PhD) Jabatan Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran UM.

PENGENALAN

Zakat merupakan antara sumber kewangan Islam dan instrumen dasar fiskal yang penting. Zakat sebenarnya meliputi aspek moral, sosial, ekonomi dan sebagainya. Antara objektifnya ialah memastikan pertumbuhan ekonomi adalah konsisten dengan pengoptimuman penggunaan sumber seperti sumber asli, manusia dan kebendaan dan memastikan pengagihan yang adil dalam aspek pendapatan dan kekayaan (Sadeq 1988). Dalam aspek ekonomi, zakat sebenarnya menghalang pengumpulan kekayaan di dalam tangan golongan tertentu atau kumpulan tertentu. Ia dapat dilaksanakan dengan menetapkan sejumlah sumbangan harta yang diwajibkan disalurkan kepada pihak kerajaan (*state*) (Mannan 1986). Tambahan lagi menurut Chapra (1992), zakat dikenal pasti sebagai bantuan daripada masyarakat Islam kepada golongan fakir dan miskin untuk membasmi kesengsaraan dan kemiskinan. Dalam aspek sosial, institusi zakat dikenal pasti sebagai pelengkap kepada komitmen sosial kepada komuniti Islam yang akhirnya akan mewujudkan pertumbuhan ekonomi yang seimbang antara kehidupan di dunia dan akhirat (Sirageldin 2000). Dalam surah *At-Taubah* ayat 60, Allah S.W.T. telah menjelaskan kelompok-kelompok yang berhak menerima zakat iaitu melalui firmanNya yang bermaksud:

"Sesungguhnya zakat-zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para mu'allaf yang dijinakkan hatinya, untuk (memerdekakan budak), orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai sesuatu ketetapan yang diwajibkan Allah, dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana".

(Surah At-Taubah: Ayat 60)

Tafsiran ayat tersebut jelas menunjukkan terdapat lapan golongan manusia yang berhak menerima zakat. Lapan golongan tersebut ialah *Al-Fuqara'* (orang fakir), *Al-Masakin* (orang yang miskin), amil, muallaf yang perlu dijinakkan hatinya, *Al-Riqab* (hamba), *Al-Gharimin* (orang yang memiliki hutang), *Fi-Sabilillah* (orang yang berjuang di jalan Allah S.W.T.) dan akhirnya *ibn sabil* (musafir yang sedang dalam perjalanan).

Ayat Al-Quran Surah 9, Ayat 60 juga menunjukkan pengagihan zakat amat penting memandangkan penegasan dan penjelasan yang nyata dalam pengagihan zakat.

Pencapaian kutipan zakat yang tinggi dari tahun ke tahun oleh pusat zakat setiap negeri tidak dapat dinafikan lagi. Jumlah kutipan zakat secara keseluruhan negeri di Malaysia telah mengalami peningkatan yang amat besar iaitu sebanyak 178.8% daripada RM373 juta pada tahun 2002 kepada RM1.04 bilion pada tahun 2008 (Laporan Zakat 2008). Pencapaian kutipan zakat negeri yang semakin tinggi pada setiap tahun membuktikan institusi zakat di setiap negeri telah berjaya dalam strategi meningkatkan jumlah kutipan zakat. Daripada 14 negeri yang membuat kutipan pada tahun 2008, Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah melepasi angka RM200 juta dan Johor telah mencatatkan kutipan melebihi angka RM100 juta iaitu masing-masing adalah sebanyak RM244.4 juta, RM211.3 juta dan RM100.7 juta (Laporan Zakat 2008; h.66).

Daripada fakta tersebut, jelas menunjukkan kutipan zakat semakin meningkat dari tahun ke tahun. Ini kemungkinan tahap kesedaran membayar zakat di kalangan masyarakat semakin meningkat. Ini juga kemungkinan disebabkan oleh banyak faktor seperti meningkatnya tahap pengetahuan dan nilai keagamaan di kalangan masyarakat Islam berkenaan aspek pembayaran zakat, pengkorporatan institusi kutipan zakat negeri, kaedah pembayaran yang mudah seperti potongan gaji, pembayaran melalui institusi kewangan bank dan bukan bank dan sebagainya serta meningkatkan jumlah pembayaran zakat korporat yang dibayar oleh syarikat. Oleh itu, masalah kutipan zakat bukan lagi menjadi isu utama dalam sistem zakat. Namun jika dilihat dalam aspek pengagihan zakat, banyak kajian menunjukkan masih wujud sikap ketidakpuasan hati pembayar zakat terhadap institusi zakat dalam mengagihkan zakat (Mohd Dahan 1998; Muhammad Syukri 2006; Sanep et al. 2006; Hairunnizam et al. 2009; Hairunnizam et al. 2010a) termasuklah pembayar zakat di kalangan kumpulan akademik (Anuar Muhamad 2008).

Apa yang dapat disimpulkan di sini ialah tahap keyakinan pembayar zakat terhadap peranan institusi zakat dalam pengagihan zakat masih di tahap yang rendah. Mereka mungkin melihat asnaf zakat terutamanya golongan fakir dan miskin masih berterusan dalam keadaan kemiskinan malah ada yang melihat terdapat potensi asnaf fakir dan

miskin yang tidak mendapat pembelaan daripada institusi zakat. Ini ditambah lagi dengan laporan dari akhbar-akhbar dan program televisyen yang melaporkan kes-kes kemiskinan dan *kedaifan* yang masih wujud dalam masyarakat. Apa yang nyata, masyarakat melihat zakat sepatutnya dapat membasmi kemiskinan atau sekurang-kurangnya dapat mengurangkan bilangan isi rumah yang miskin dalam masyarakat Islam.

Dalam aspek ekonomi, aspek pendapatan adalah petunjuk penting menentukan sama ada seseorang itu miskin atau tidak. Maka sudah pastilah strategi dan dasar kerajaan dalam pembasmian kemiskinan, menjadi antara pembolehubah utama dalam setiap kajian. Antara konsep utama dalam perbincangan pendapatan adalah konsep purata garis kemiskinan (PGK) di Malaysia sama ada di peringkat negeri, Semenanjung Malaysia dan Malaysia secara keseluruhannya. PGK golongan fakir atau miskin tegar di Malaysia adalah RM 415 berbanding PGK golongan miskin sebanyak RM691⁵. Oleh itu sasaran kerajaan dalam membasmi kemiskinan adalah memastikan tingkat pendapatan isi rumah melebihi PGK yang telah disasarkan. Namun begitu sekiranya strategi pembasmian kemiskinan hanya menggunakan PGK semata-mata sebagai pengukur kejayaan membasmi kemiskinan, maka kajian ini mendapati ia adalah sesuatu yang agak sukar. Ini adalah kerana bilangan golongan miskin didapati terus meningkat dari tahun ke tahun disebabkan banyak faktor luaran antaranya ialah kesan kegawatan ekonomi dan kos sara hidup yang semakin tinggi menampakkan seolah-olah segala dasar yang telah dilaksanakan tidak mencapai kejayaan yang diinginkan. Oleh itu, kajian ini mencadangkan pengukuran alternatif kejayaan berdasarkan pembolehubah berkonsepkan relatif. Ia melibatkan aspek kualiti hidup sebagai kayu ukur alternatif kejayaan sesuatu dasar membasmi kemiskinan. Malah terdapat juga kajian yang mengukur pencapaian kejayaan berasaskan konsep *maqasid syariah* yang sebenarnya yang mana ianya lebih tertumpu kepada beberapa objektif ekonomi dan bukan ekonomi yang selari dengan kehendak syariah. Ini menunjukkan penggunaan falsafah agama iaitu Islam telah menjadi satu perkara yang penting yang lebih utama berbanding falsafah ekonomi. Pengukuran ini jelas menggambarkan satu strategi alternatif ke arah

⁵ Unit Perancang Ekonomi (2006). *Rancangan Malaysia Ke-Sembilan 2006-2010*. Kuala Lumpur, Percetakan Nasional Malaysia Berhad: 348

perubahan aspek sosio-ekonomi individu dan bukan semata-mata tertumpu pada aspek ekonomi.

Menurut Greene dan Yoon (2004), ahli ekonomi kini sebenarnya telah mula mengkaji semula dua bidang asas iaitu dimensi ekonomi dalam aspek agama dan kebahagiaan manusia dan melihat hubungan antara keagamaan dan kebahagiaan (Ellison 1991; Iannaccone 1998; Argyle 1999; Frey & Stutzer 2002). Ini bermaksud kebahagiaan manusia juga boleh dijadikan output penting dalam mengukur kejayaan dalam pengagihan zakat oleh institusi zakat kepada asnaf. Apa yang menariknya aspek keagamaan telah mendapat pengiktirafan daripada ahli ekonomi bukan Islam yang majoritinya melibatkan agama Kristian. Banyak kajian yang telah dilakukan menunjukkan aspek keagamaan mempunyai banyak kelebihan terhadap manusia termasuklah mengurangkan aktiviti yang melalaikan dan jenayah (Freeman 1986; Hull 2000). Malah, menurut Greene dan Yoon (2004), Adam Smith juga telah sekian lamanya menganggap aspek keagamaan sebagai pembina kehidupan yang baik kerana ia memberi kesan positif terhadap aspek psikologi dan kebahagiaan seseorang individu.

Persoalannya, adakah strategi meningkatkan nilai keagamaan kepada asnaf fakir dan miskin oleh institusi zakat kemungkinan dapat mengatasi masalah kemiskinan? Kajian ini berpendapat kesan daripada pengagihan zakat adalah bersifat jangka panjang. Oleh itu, strategi yang perlu dilakukan adalah bermula daripada sikap asnaf itu sendiri. Sikap asnaf tersebut perlu berubah untuk memastikan setiap kejayaan sama ada peningkatan tahap pendapatan atau kualiti hidup dapat dicapai. Asas kepada perubahan sikap adalah nilai keagamaan dalam diri mereka. Terdapat andaian yang mengatakan golongan miskin ini bukan sahaja miskin pendapatan tetapi juga miskin minda dan agama. Adakah golongan ini miskin agama atau rendah tahap keagamaannya atau akhlaknya? Adakah jika institusi zakat meningkatkan lagi pendidikan agama kepada mereka akan berjaya mengatasi masalah kemiskinan yang mereka hadapi? Kajian ini akan mengkaji persoalan ini dengan menjangkakan nilai keagamaan dalam diri asnaf merupakan faktor asas kejayaan sesuatu dasar termasuklah dasar membasmi

kemiskinan dan ia perlu diberi perhatian yang serius oleh pihak pembuat dasar terutamanya institusi zakat.

KAJIAN LEPAS

Banyak kajian yang ada berkenaan dengan zakat hanya melihat kepada aspek kutipan iaitu bagaimana hasil kutipan zakat dapat ditingkatkan dan kaedah yang berkesan pengagihan zakat (Mohd Ali et al. 2003; Abdul Monir 1994; Mohd Parid 2001). Namun demikian, tiada banyak kajian yang melihat kepada aspek keberkesanan agihan zakat kepada asnaf-asnaf yang terlibat terutamanya asnaf fakir dan miskin. Mohd Parid (2001) contohnya telah membincangkan pelbagai kaedah pengagihan zakat menurut perspektif Islam. Menurut beliau, pengagihan zakat perlu mencapai satu tahap kecukupan dan keselesaan kehidupan golongan penerima zakat serta keluarga yang ditanggungnya. Menurut beliau lagi, agihan tersebut perlu mencapai kadar tertentu yang menjamin kualiti hidup yang berterusan. Ia membawa maksud kesan agihan zakat kepada asnaf perlu mencapai satu piawaian kualiti hidup sekurang-kurangnya mencapai kegunaan barang keperluan dan kecukupan. Di Malaysia, kualiti hidup individu boleh dilihat dalam pelbagai aspek termasuklah kemajuan diri, gaya hidup yang sihat, kecapaian dan kebebasan untuk memperoleh pengetahuan dan menikmati taraf hidup yang melebihi keperluan asas dan psikologi individu untuk mencapai tahap kesejahteraan sosial seiring dengan hasrat Negara (Unit Perancang Ekonomi 2002).

Takrifan ini adalah seiring dengan pendapat Burnel dan Galster (1992) yang melihat kualiti hidup sebagai tahap kesejahteraan dan keselesaan seseorang menjalani proses kehidupan meliputi aspek pemakanan, pendidikan, kesihatan, perumahan, estetika dan sebagainya. Sekiranya aspek tersebut dipenuhi, maka tahap kualiti masyarakat menjadi bertambah baik. Namun begitu, kajian yang sedia ada hanya tertumpu kepada kualiti masyarakat keseluruhannya tanpa melihat kualiti kumpulan minoriti yang daif dan miskin. Oleh itu, perlu ada satu kajian yang melihat kualiti hidup kumpulan ini bagi memastikan mereka tidak tersisih daripada arus perdana. Kajian oleh Zainal Abidin (2003) membincangkan bagaimana had kifayah dikira menurut pengalaman Jabatan Agama Islam Wilayah persekutuan (JAWI) iaitu menggunakan 6 kualiti hidup utama iaitu perlindungan, makanan, pakaian, perubatan, pelajaran dan pengangkutan. Namun

kualiti hidup asnaf terutamanya kualiti hidup pendidikan dan penyertaan sosial. Ia jelas menunjukkan bantuan zakat secara langsung dalam bentuk wang tunai semata-mata tidak memberi impak yang besar terhadap kehidupan asnaf fakir dan miskin. Malah kajian ini mencadangkan bantuan yang diberikan juga perlu melibatkan pemberian barangan keperluan seharian seperti beras, tepung, gula dan sebagainya. Kajian ini sebenarnya jelas menunjukkan terdapat faktor lain yang perlu diberi perhatian oleh institusi zakat seperti aspek pendidikan dan menggalakkan asnaf terlibat dengan kegiatan sosial. Oleh itu, kajian ini percaya kedua-dua aspek ini perlu diberi perhatian. Persoalannya bagaimana? Sebenarnya kajian ini percaya pendidikan yang perlu diterapkan bukan sahaja aspek pendidikan keduniaan semata-mata malah aspek yang melibatkan keagamaan juga perlu diberi perhatian.

Terdapat beberapa kajian oleh Ellison et al. (1989) dan Ellison (1991) yang telah mengkaji hubungan antara komitmen kepada agama dan tahap kepuasan hidup individu. Ellison (1991) contohnya telah mengkaji sekumpulan kecil masyarakat di Amerika Syarikat (US) di mana beliau mengkaji tingkah laku individu yang terlibat secara langsung dalam organisasi keagamaan, kekerapan kehadiran ke tempat sembahyang (gereja), tahap kepercayaan terhadap agama dan sebagainya. Hasil kajian beliau mendapati penglibatan dalam organisasi keagamaan dan tahap kepercayaan agama yang tinggi akan meningkatkan tahap kepuasan kualiti hidup mereka. Apa yang pasti kajian ini sebenarnya telah mengkaji aspek keagamaan dan hubungannya dengan tahap kepuasan hidup individu terutamanya dalam aspek psikologi individu tersebut. Kajian ini juga merumuskan aspek keagamaan yang penting adalah aspek penyertaan seseorang dalam kegiatan agama yang akan memberi kesan positif terhadap kepuasan hidup. Timbul persoalan yang lain, adakah pengaruh keagamaan itu memberi kesan yang langsung atau terus menerus terhadap kepuasan kualiti hidup? Ellison et al. (1989) telah menjelaskan komitmen dalam aspek keagamaan sebenarnya adalah penglibatan individu dalam kegiatan masyarakat yang melibatkan program keagamaan. Kesannya penyertaan dalam kegiatan sosial akan meningkatkan hubungan kemasyarakatan yang memberi kesan positif kepada kesihatan mentalnya yang akhirnya akan meningkatkan kepuasan hidup individu tersebut.

Kajian oleh Schieman et al. (2003) pula berlainan sedikit pendapat dengan Ellison et al (1989) di mana kajian beliau menekankan aspek kemahiran dan pengetahuan (*mastery*). Beliau berpendapat nilai keagamaan dalam diri individu akan mengawal kehidupan mereka, berusaha bersungguh-sungguh mencapai cita-cita tanpa menyalahkan nasib semata-mata. Inilah kemahiran yang dapat dipupuk kesan daripada penghayatan nilai keagamaan. Malah ramai ahli psikologi bersetuju kemahiran individu akibat nilai keagamaan yang dianuti tidak akan mengikis kehidupan malah ia sebenarnya dapat mengawal tekanan hidup yang akhirnya akan meningkatkan kepuasan hidup. Kajian ini juga bersetuju kepentingan aspek keagamaan dan kesannya kepada aspek kesihatan mental individu yang akhirnya akan meningkatkan kepuasan hidup individu tersebut.

METODOLOGI

Kutipan Data dan Pensampelan

Unit analisis kajian ini ialah asnaf fakir dan miskin yang menerima bantuan kewangan bulanan dan makanan bulanan mewakili sampel penerima zakat. Asnaf ini dipilih kerana ia mewakili asnaf zakat yang terbesar iaitu hampir 50% berbanding asnaf yang lain (Hairunnizam et al. 2010a). Kajian ini tertumpu di negeri Selangor, Pulau Pinang, WP Kuala Lumpur, Melaka dan Terengganu.

Rangka pensampelan responden kajian ini adalah fakir dan miskin (mewakili penerima zakat) mengikut senarai nama terkini yang diberikan oleh institusi zakat negeri yang terlibat. Seramai 540 penerima zakat melibatkan beberapa negeri (lihat Jadual 1)

Jadual 1: Responden Kajian

Negeri	Responden
Selangor	69 (12.78)
Pulau Pinang	101 (18.70)
Wilayah Persekutuan	130 (24.07)
Melaka	113 (20.96)
Terengganu	127 (23.52)
Jumlah	540 (100.00)

Nota: () peratusan daripada Jumlah keseluruhan

Spesifikasi Model

Kajian ini cuba menganggar kebarangkalian wujud hubungan antara faktor keagamaan dan status kehidupan responden. Status kehidupan di sini bermaksud adakah nilai keagamaan yang wujud dalam diri responden akan mempengaruhi secara langsung kepada tahap ekonomi dan kualiti hidup mereka. Setiap pembolehubah adalah seperti berikut:

1. Kualiti hidup golongan fakir dan miskin (QOL)

Kesan pengurusan zakat akan terkesan kepada penerima zakat. Keberkesanan pengagihan zakat adalah membasmi kemiskinan, memperbaiki pertumbuhan ekonomi dan juga kualiti hidup (Mannan 2003; Wess 2002; Hairunnizam et al. 2004; Hassan & Khan 2007). Kualiti hidup dalam kajian ini dipilih kerana ia merupakan output yang melibatkan beberapa kualiti hidup secara langsung kepada manusia. Kajian ini menggunakan beberapa tahap kualiti yang berkaitan dalam Laporan Kualiti Hidup (2002) dan dicadangkan melalui analisis CFA iaitu kualiti makanan dan pakaian, pengangkutan dan perhubungan, kesihatan, perumahan dan penyertaan sosial. Tiga skala likert telah digunakan dalam kajian ini untuk mengukur darjah kepuasan hati responden iaitu tidak puas hati, puas hati dan sangat puas hati. Akhirnya kualiti hidup keseluruhan responden telah diukur dengan mengira secara purata tahap kepuasan hati bagi setiap item kualiti hidup.

2. Pendapatan (Y)

Pengukuran pendapatan di sini ialah pendapatan bulanan responden. Ia dibahagikan kepada beberapa kategori pendapatan. Mengikut purata garis kemiskinan (PGK), pendapatan bawah RM415 iaitu tahap pendapatan kategori fakir manakala pendapatan antara RM416 hingga RM691 iaitu tahap pendapatan kategori miskin dan pendapatan melebihi RM692 dan ke atas yang dianggap melepasi purata garis kemiskinan Malaysia (lihat Jadual 1).

3. Tahap Pendidikan (Pend)

Pengukuran tahap pendidikan berdasarkan 3 tahap iaitu tidak bersekolah, bersekolah rendah dan bersekolah menengah. Majoriti responden hanya bersekolah rendah.

4. Indeks Keagamaan (RI)

Ini merupakan satu pembolehubah yang menarik untuk dibincangkan. Terdapat banyak kajian yang cuba menganggarkan tahap keagamaan dan keimanan seseorang individu namun sejauh mana pengukuran pembolehubah ini boleh diterima secara ilmiah masih lagi diperbincangkan. Ia melibatkan perkara peribadi antara individu dan Allah S.W.T. dan tiada siapa yang boleh mengukurnya dengan tepat melainkan Allah S.W.T. Namun begitu, pembolehubah ini cuba dianggarkan berpandukan tindakan seseorang individu yang rasional mengikut ketetapan syariah. Ini bermakna jika seseorang individu yang taat menjalankan perintah Allah S.W.T. secara konsisten dan mengharapkan keredaan Nya, maka individu tersebut dianggap lebih baik dan lebih keislamannya berbanding mereka yang tidak taat menjalankan perintah Allah (Siti Adilah 1999; dan Naziruddin dan Shabri 2003: h.40).

Oleh itu, dalam mengukur tahap keagamaan, kajian ini menggunakan analisis Naziruddin dan M. Shabri (2003) memandangkan kajian ini mengukur tahap keagamaan secara komprehensif berbanding kajian terdahulu yang mengukur keimanan semata-mata (contohnya kajian oleh Mohd Ali et al. 2004). Kajian Naziruddin dan M. Shabri (2003) telah membahagikan faktor keagamaan kepada tiga komponen utama iaitu wajib (*fard*), haram dan sunah (*mandub*). Setiap komponen mempunyai pemberat (*weightage*) yang berbeza di mana komponen wajib mempunyai pemberat

yang lebih berbanding komponen haram dan sunah. (lihat Naziruddin dan M. Shabri 2003: h. 41)

Pengukuran komponen perbuatan wajib (*KW*) meliputi perbuatan wajib dan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu rukun Islam dan iman (*PISIM*), dan sebanyak 6 soalan telah ditanyakan mewakili komponen ini dan pemberatnya adalah 100. Komponen perbuatan haram (*KH*) pula, sebanyak 5 soalan telah dikemukakan, pemberatnya adalah 55 dan telah dirangkumkan sebagai *FASAD* manakala komponen perbuatan sunah (*KS*) pula adalah item yang menunjukkan perbuatan sunah yang tidak menggantikan *PISIM* dan *FASAD* tetapi ia sebenarnya meningkatkan tahap keagamaan seseorang individu, diberi pahala jika melakukannya dan sebaliknya (*QUDUS*). Pemberat *KS* adalah 2 (Naziruddin dan M. Shabri 2003: h. 41).

Kaedah Pengukuran indeks keagamaan

Kajian telah membahagikan item komponen wajib (*KW*) kepada dua kategori, iaitu rukun Islam dan *Iman* (soalan D1-D43-Rujuk lampiran), di namakan sebagai *PISIM*. Mata diberi kepada soalan D1, D41, D42 dan D45 dalam tertib menaik dengan -2 adalah sangat tidak penting hingga +2 sangat penting, manakala soalan D2 dan D3, mata diberikan adalah nilai -5, -4, -3, -2, -1 dan hingga +5. Cara mata diberikan berdasarkan sifat soalan-soalan yang dikemukakan kepada dan jawapan yang diharapkan daripada responden adalah berbeza. Contohnya berkaitan hal ehwal solat, jika menunaikan kesemua waktu solat diberi mata 5. Tambahan lagi, bagi amal wajib yang merupakan amalan yang tertinggi dalam hierarki segala amalan perbuatan, perlu diberikan maksimum 100 mata untuk keseluruhan item dalam dua-dua kategori amal tersebut. Skor tertinggi yang boleh dicapai oleh seseorang adalah +1800 [(+2 mata $\times$ 100 $\times$ 4 amal) + (+5 mata $\times$ 100 $\times$ 2 amal) = (800) + (1000)], yang terendah -1800 [(-2 mata $\times$ 100 $\times$ 4 amal) + (-5 mata $\times$ 100 $\times$ 2 amal) = [(-800) + (-1000)]. Secara formulanya adalah seperti berikut:

$$KW_i = 100 \sum_{j=1}^6 PISIM_{ij} \quad (1)$$

dimana :

KW = komponen perbuatan wajib.

$PISIM$ = rukun Islam dan Iman

i = responden.

j = bilangan soalan terlibat.

Manakala lima soalan telah dibentuk untuk mengukur komponen haram (KH) dinamakan sebagai FASAD. Seperti komponen wajib, mata diberi dalam suatu urutan menaik -2 (sangat tidak penting) +2 (sangat penting) kepada setiap amalan yang dilarang, yang terdiri daripada soalan D44 hingga soalan D47. Walau bagaimanapun, hanya 55 mata disebabkan oleh mana-mana satu daripada perbuatan yang dilakukan. Oleh itu, skor tertinggi yang boleh dicapai oleh orang yang tidak melakukan apa-apa perbuatan yang dilarang adalah +440 (+2 mata $\times$ 55 $\times$ 4 amal) dan yang paling rendah ialah -440 (-2 mata $\times$ 55 $\times$ 4 amal). Amalan yang dilarang atau FASAD diukur dengan menggunakan formula berikut:

$$KH_i = 55 \sum_{k=7}^{10} FASAD_{ik} \quad (2)$$

dimana :

KH = komponen perbuatan haram.

$FASAD$ = item perkara perbuatan haram

i = responden.

k = bilangan soalan terlibat.

Bagi perbuatan yang digalakkan atau sunah pula (KS) dinamakan sebagai QUDUS, mata diberikan berdasarkan dua kategori. Pertamanya nilai skor maksimum sebanyak +2 untuk soalan D48 hingga soalan D410 dan keduanya nilai skor skala bermula nilai 0 (sangat tidak penting) kepada nilai skor +5 untuk soalan D5 hingga D8. Oleh itu, nilai skor tertinggi yang boleh dicapai oleh seseorang ialah +52 [(+2 mata $\times$ 2 $\times$ 3 amal) + (+2 mata $\times$ 5 $\times$ 4 amal)] and nilai skor terendah ialah 0 (0 mata $\times$ 5 $\times$ 4 amalan). Oleh itu formula yang digunakan untuk mengira QUDUS adalah seperti berikut:

$$KS_i = 2 \sum_{j=11}^{17} QUDUS_{ij} \quad (3)$$

dimana :

KS = komponen perbuatan sunnah.

$QUDUS$ = item perkara perbuatan sunnah

i = responden.


j = bilangan soalan terlibat.

Akhirnya indeks keagamaan (RI) yang akan diuji merangkumi kesemua komponen perbuatan, diukur melalui formula berikut:

$$RI_i = [(KW_i + KH_i + KS_i) / 2292] \times 100 \quad (4)$$

RI sebenarnya diukur daripada penjumlahan KW , KH dan KS mengikut jumlah soalan yang dikemukakan iaitu ($1800 + 440 + 52 = 2292$) dibahagikan dengan maksimum nilai yang dicapai setiap responden dan didarabkan kepada 100.

Oleh itu, satu model dibina untuk melihat hubungan antara setiap pemboleh ubah berdasarkan kajian lepas yang telah dibincangkan sebelum ini. Ia dapat ditunjukkan oleh Rajah 1.



Nota: $\longleftrightarrow$ hubungan dua hala

Rajah 1: Analisis hubungan antara kualiti hidup asnaf dengan tingkat pendapatan, tahap pendidikan dan indeks keagamaan

HASIL KAJIAN

Dalam aspek profil responden, majoriti responden menerima zakat kurang daripada tempoh tiga tahun iaitu 43.3% diikuti tiga tahun hingga lima tahun sebanyak 35.2%. Ini menunjukkan hampir 78.5% menerima zakat kurang dari 5 tahun (lihat Jadual 3). Manakala aspek nilai bantuan zakat, majoriti menerima zakat antara RM200 hingga RM300 sebulan iaitu merangkumi 27.2% diikuti nilai RM100 hingga RM200 (24%). Ini menunjukkan hampir 51% menerima zakat kurang daripada RM300 (lihat Jadual 2).

Jadual 2: Latarbelakang Responden

	Negeri					Jumlah	Peratusan
	Selangor	Pulau Pinang	Wilayah Persekutuan	Melaka	Terengganu		
Tempoh terima zakat							
< 3 tahun	28	0	61	70	66	225	43.35
3-5 tahun	30	33	54	17	49	183	35.26
6-8 tahun	11	33	10	10	5	69	13.29
> 8 tahun	-	35	2	5	-	42	8.09
Nilai Zakat							
RM100-RM200	0	2	14	97	10	123	24.07
RM201-RM300	3	2	26	2	106	139	27.20
RM301-RM400	17	39	14	1	1	72	14.09
RM401-RM500	26	40	16	1	0	84	16.44
RM501-RM600	16	9	13	0	0	38	7.44
RM601-RM700	5	5	16	0	0	26	5.09
RM701-RM800	2	0	19	0	0	21	4.11
RM801 ke atas	0	0	7	0	0	7	1.37

Hanya 1.37% responden menerima zakat melebihi RM800. Sebenarnya jumlah bantuan yang diberikan oleh pusat zakat adalah bergantung pada bilangan tanggungan di dalam sesebuah isi rumah atau *had kifayah*. Jika ramai isi rumah yang belum bekerja dan ada kemungkinan ada yang kurang upaya (OKU), maka bantuan zakat yang diterima adalah besar. Namun apa yang pasti, kajian ini menunjukkan responden asnaf adalah melibatkan kesemua peringkat jumlah bantuan zakat setiap bulan.

Jadual 3: Taburan Kualiti Hidup² (QOL)

Kualiti Hidup	Negeri					
	Selangor	Pulau Pinang	Wilayah	Melaka	Terengganu	Jumlah
Makanan & Pakaian						
Tidak Memuaskan	4 (5.8)	0 (0.0)	17 (13.3)	32 (31.4)	64 (52.5)	111 (22.4)
Memuaskan	65 (94.2)	101 (100.0)	111 (86.7)	70 (68.6)	58 (47.5)	403 (77.6)
Pengangkutan & Perhubungan						
Tidak Memuaskan	39 (56.5)	0 (0.0)	17 (13.3)	61 (59.8)	75 (61.5)	192 (36.8)
Memuaskan	30 (43.5)	101 (100.0)	111 (86.7)	41 (40.2)	47 (38.5)	330 (63.2)
Kesihatan & Perubatan						
Tidak Memuaskan	9 (13.0)	0 (0.0)	49 (38.3)	95 (93.1)	79 (64.8)	232 (44.4)
Memuaskan	60 (87.0)	101 (100.0)	79 (61.7)	7 (6.9)	43 (35.2)	290 (55.6)
Perumahan & Perlindungan						
Tidak Memuaskan	10 (14.5)	0 (0.0)	31 (24.2)	52 (51.0)	74 (60.7)	167 (32.0)
Memuaskan	59 (85.5)	101 (100.0)	97 (75.8)	46 (45.1)	48 (39.3)	351 (67.2)
Penyertaan Sosial						
Tidak Memuaskan	0 (0.0)	0 (0.0)	4 (3.1)	40 (39.2)	51 (41.8)	95 (18.2)
Memuaskan	69 (100.0)	101 (100.0)	124 (96.9)	58 (56.9)	71 (58.2)	423 (81.8)
Purata Keseluruhan³						
Tidak Memuaskan	8 (11.6)	0 (0.0)	56 (43.8)	97 (95.1)	78 (63.9)	239 (45.8)
Memuaskan	61 (88.4)	101 (100.0)	72 (56.3)	5 (4.9)	44 (36.1)	283 (54.2)
Jumlah Responden	69	101	128	102	122	522

Nota: () peratus daripada jumlah responden setiap negeri.

Kualiti hidup pendidikan tidak dianalisis kerana majoriti anak responden sudah melepasi alam persekolahan. Analisis dibuat berdasarkan Skala likert 1=tidak memuaskan; 2=memuaskan; 3=sangat memuaskan. Kajian ini menggabungkan skala memuaskan dan sangat memuaskan menjadi satu skala iaitu memuaskan. Purata keseluruhan kualiti hidup.

Berdasarkan Jadual 3, kualiti hidup golongan miskin secara keseluruhannya agak memuaskan. Berdasarkan jawapan yang telah diberikan, hanya 54.4% golongan miskin berpuas hati manakala selebihnya tidak berpuas hati dengan kualiti hidup mereka. Kualiti hidup pengangkutan dan perhubungan, kualiti hidup kesihatan dan kualiti perumahan memberikan tahap kepuasan yang agak rendah berbanding kualiti hidup yang lain. Ini jelas menunjukkan golongan miskin masih lagi tidak dapat menikmati kualiti hidup yang memuaskan. Ini memandangkan kos perumahan dan perubatan agak mahal di bandar-bandar besar terutamanya Pulau Pinang dan Kuala Lumpur yang agak padat dengan penduduk. Ramai antara mereka tinggal di rumah pangsa atau rumah murah atau kos rendah dan ini mewujudkan kemungkinan ketidakselesaian untuk kualiti perumahan terutamanya mereka yang tinggal di bandar besar berbanding tinggal di kampung. Tambahan lagi, saiz keluarga mereka yang agak besar menambahkan lagi sikap ketidakpuasan tersebut. Kualiti hidup makanan dan pakaian pula menunjukkan kualiti yang kurang memberangsangkan iaitu hanya 77.6% responden berpuas hati kualiti tersebut. Kedua-dua aspek kualiti ini amat penting kerana ia merupakan asas untuk meneruskan kehidupan. Apa yang menariknya 81.8% responden menyatakan berpuas hati terhadap aspek kualiti penyertaan sosial dan ini menunjukkan secara umumnya mereka tidak terpinggir daripada masyarakat malah mungkin lebih aktif dalam kegiatan masyarakat.

Jadual 5: Tahap Keagamaan (RI)

Indeks ¹	Negeri					Jumlah	%
	Selangor	Pulau Pinang	WP Kuala Lumpur	Melaka	Terengganu		
21-30	0	0	0	1	0	1	0.2
31-40	0	0	5	12	0	17	3.4
41-50	0	0	24	19	2	45	8.9
51-60	0	0	0	0	0	0	-
61-70	0	0	16	6	7	29	5.8
71-80	0	0	17	5	8	30	6.0
81-90	0	0	0	0	0	0	-
91-100	69	101	64	47	101	382	75.9
Jumlah²	69	101	126	90	118	504	100.0

Nota: ¹ KW+KH+KS

² purata RI=88.49

Jadual 5 menunjukkan indeks keagamaan (**RI**) yang menjadi fokus perbincangan kajian ini. Ia merupakan satu indeks yang diukur berdasarkan persamaan (1), (2), (3) dan (4). Menurut Naziruddin dan M. Shabri (2003: 47), nilai indeks tertinggi yang boleh dicapai ialah 100. Berdasarkan jadual tersebut, majoriti responden mencapai nilai **RI** keseluruhan antara nilai 91 hingga 100 iaitu merangkumi 75.9% manakala **RI** keseluruhan paling rendah ialah antara nilai 21 hingga 30 meliputi responden sebanyak 0.2% sahaja. Boleh dikatakan hampir 12.5% sahaja responden berada pada **RI** kurang daripada 50% dan selebihnya responden mempunyai **RI** melebihi 50%. Ini secara umumnya menunjukkan responden mempunyai pegangan agama yang amat baik.

Jadual 6: Korelasi dan Kovarian setiap pembolehubah

Pembolehubah		Penganggaran		Ralat Piawai
		Korelasi	Kovarian	
Indeks agama	↔			
	kualiti hidup	.314*	1.855*	.328
Tahap pendapatan	↔			
	kualiti hidup	.354*	.153*	.021
Tahap pendidikan	↔			
	kualiti hidup	.202*	.016	.010

Nota: * signifikan pada aras keertian 1%

Berdasarkan Jadual 6, didapati ujian korelasi menunjukkan kesemua pembolehubah berhubungan secara positif dan signifikan pada aras keertian 1%. Namun begitu hanya analisis kovarian antara indeks agama dan tahap pendapatan dengan kualiti hidup asnaf adalah signifikan pada aras keertian 1% manakala hubungan antara tahap pendidikan dan kualiti hidup asnaf didapati tidak signifikan. Ini jelas menunjukkan terdapat hubungan yang kuat antara indeks agama dan kualiti hidup dan ini ditunjukkan oleh nilai kovarian iaitu 1.855 berbanding tahap pendapatan 0.153 dan berhubungan secara positif. Apabila indeks keagamaan meningkat, kualiti hidup asnaf juga dijangkakan akan meningkat dan sebaliknya sekiranya indeks keagamaan menurun. Oleh itu kajian ini jelas menunjukkan terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara nilai keagamaan seseorang individu dengan kualiti hidup mereka.

CADANGAN DAN IMPLIKASI DASAR

Kajian ini mendapati nilai-nilai keagamaan adalah tinggi di kalangan asnaf fakir dan miskin. Mereka bukan sahaja mempunyai tahap keagamaan yang tinggi dalam melaksanakan perkara wajib dan meninggalkan perkara yang diharamkan, malah mereka juga mempunyai komitmen yang tinggi dalam melaksanakan perbuatan yang sunah seperti membaca Al-Quran, menunaikan solat secara berjemaah sama ada di surau atau di masjid, berpuasa sunat dan sebagainya. Ini menunjukkan pusat zakat telah berjaya meningkatkan nilai keagamaan atau sekurang-kurangnya mempertahankan nilai keagamaan yang sedia ada. Ia dapat dilakukan melalui kuliah-kuliah agama yang diadakan di masjid secara khusus untuk mereka. Program yang telah diadakan walaupun antara tujuan utamanya memastikan asnaf mengambil wang bantuan zakat daripada pusat zakat di masjid-masjid tertentu, ia juga antara lainnya bertujuan untuk memberi peringatan dan nasihat agama kepada mereka agar sentiasa bersyukur kepada Allah S.W.T. dengan kekurangan yang ada dan berusaha meningkatkan tahap ekonomi masing-masing. Namun begitu sejauh manakah pihak institusi zakat telah mengadakan program keagamaan di kawasan masing-masing terhadap asnaf terutamanya golongan fakir dan miskin perlu diberi perhatian. Jadual 7 menunjukkan sejauh manakah golongan asnaf menyertai program keagamaan anjuran pusat zakat.

Jadual 7: Penyertaan program keagamaan anjuran pusat zakat

	Negeri					Jumlah
	Selangor	Pulau Pinang	WP Kuala Lumpur	Melaka	Terengganu	
Pernah	69 (100.0)	68 (98.5)	5 (8.8)	21 (20.8)	31 (25.4)	194 (46.4)
Tidak Pernah	0 (0.0)	1 (1.5)	52 (91.2)	80 (79.2)	91 (74.6)	224 (53.6)
Jumlah Responden	69 (100.0)	69 (100.0)	57 (100.0)	101 (100.0)	122 (100.0)	418 (100.0)

Nota: nilai χ^2 ujian silang antara RI dan penyertaan program keagamaan ialah 71.53 dan signifikan pada aras keertian 1%

Jadual 7 jelas menunjukkan kesemua asnaf di negeri Selangor dan majoriti asnaf di Pulau Pinang pernah menghadiri program keagamaan anjuran pusat zakat. Namun

begitu bagi negeri lain, masih ramai lagi tidak pernah menghadiri program keagamaan seperti WP Kuala Lumpur (91.2%), Melaka (79.2%) dan Terengganu (74.6%). Ini adalah kerana hubungan antara **RI** dan penyertaan program keagamaan mempunyai hubungan yang amat signifikan. Adalah dijangkakan sekiranya ramai asnaf menyertai program keagamaan secara kerap, nilai keagamaan asnaf akan meningkat yang akhirnya dijangkakan tahap kualiti hidup asnaf juga akan meningkat.

Kajian ini mendapati tahap kualiti hidup asnaf fakir dan miskin masih lagi rendah. Namun begitu, secara keseluruhannya tahap kualiti hidup asnaf semakin baik berbanding sebelumnya berdasarkan kajian Hairunnizam et al. (2004) yang lepas yang mendapati asnaf miskin secara keseluruhannya tidak berpuas hati dengan kualiti hidup mereka. Kualiti hidup keseluruhan didapati amat dipengaruhi oleh cadangan lokalisasi pengagihan zakat serta nilai keagamaan kerana kedua-dua pembolehubah mempengaruhi secara signifikan kualiti hidup asnaf. Nilai keagamaan dapat ditingkatkan seiring dengan pembelajaran walaupun secara tidak formal seperti mendengar ceramah agama di masjid, melalui radio dan televisyen dan sebagainya. Malah apa yang penting ialah kefahaman nilai agama itu perlu juga diterapkan kepada generasi keturunannya iaitu anak-anak agar mereka terus berjaya dalam hidup agar mereka dan keluarga akhirnya keluar bukan sahaja daripada miskin bersifat harta malah menghindarkan daripada gejala miskin agama dan akhlak.

Nilai keagamaan mempengaruhi hubungan yang signifikan terhadap tahap kualiti hidup. Ini menunjukkan nilai keagamaan amat penting dalam kehidupan individu malah ia juga sebagai asas dan pegangan hidup individu. Nilai keagamaan yang tinggi juga akan mengubah sikap asnaf agar sentiasa inginkan perubahan. Ini adalah penting dan merupakan asas kepada kemungkinan perubahan positif sikap asnaf dalam meningkatkan ekonomi mereka. Peningkatan nilai keagamaan sebenarnya berkemungkinan akan mempengaruhi sikap asnaf yang ingin berubah daripada status penerima semata-mata kepada status pembayar dalam jangka masa panjang. Setelah asnaf mempunyai peribadi yang positif, akhirnya kemungkinan akan meningkatkan tingkat pendapatan mereka dan seterusnya meningkatkan tahap kualiti hidup mereka. Penerapan nilai keagamaan oleh pusat zakat sebenarnya akan memberi kesan yang

positif dan perlu dipertingkatkan program-program keagamaan yang khusus untuk asnaf fakir dan miskin di samping perlu diadakan kursus motivasi seperti kursus keusahawanan dan sebagainya untuk sekurang-kurangnya mengubah sikap mereka menjadi lebih positif. Amil mukim dicadangkan berperanan bukan sahaja mengutip zakat malah lebih penting lagi mendekati asnaf dengan lebih dekat melalui program keagamaan di peringkat mukim atau kampung. Ini dapat memastikan asnaf dapat dipantau dengan lebih dekat dalam aspek sosial yang merupakan asas falsafah zakat itu sendiri. Nilai-nilai keagamaan yang berkaitan dengan latar belakang pendidikan, budaya dan sebagainya antara asnaf yang mungkin berbeza antara kawasan, kampung atau negeri, memerlukan pengalaman amil mukim tersebut menangani dan mengatasi isu-isu tersebut. Ini akan meningkatkan lagi kualiti pengagihan zakat yang bukan sahaja mengagihkan bantuan zakat malah mengadakan program-program keagamaan melalui dana zakat yang dikutip. Akhirnya, diharapkan nilai keagamaan asnaf fakir dan miskin terus meningkat setara malah berkemungkinan lebih tinggi lagi berbanding masyarakat setempat.

KESIMPULAN

Nilai keagamaan adalah isu yang utama perlu diberikan perhatian oleh institusi zakat. Walaupun banyak pendapat mengatakan zakat dapat membasmi kemiskinan, sebenarnya ia bukanlah semata-mata objektif penting dalam falsafah zakat. Falsafah zakat yang utama sebenarnya adalah menyucikan jiwa dan harta bukan sahaja kepada pembayar zakat malah juga kepada asnaf. Ini jelas menunjukkan zakat bukan hanya tertumpu kepada aspek ekonomi semata-mata. Penyucian jiwa melalui berzakat menunjukkan kesan zakat amat penting kepada aspek kerohanian yang berkaitan dengan nilai agama. Peningkatan nilai keagamaan adalah penting kerana ia adalah asas kepada tujuan manusia dijadikan oleh pencipta. Kejayaan dalam mendidik jiwa terutamanya aspek keagamaan kepada asnaf bukan sahaja akan meningkatkan tahap kefahaman asnaf yang dikatakan sesetengah pihak sebagai miskin dalam aspek keagamaan, malah ia juga akhirnya akan meningkatkan kesedaran dan mengubah sikap asnaf secara perlahan-lahan menjadi lebih ke arah sikap yang positif. Ini akhirnya akan meningkatkan motivasi asnaf agar berusaha bersungguh-sungguh yang akhirnya dalam jangka masa panjang akan memungkinkan meningkatkan tahap ekonomi dan

kualiti hidup bukan sahaja untuk asnaf semata-mata malah lebih penting generasi anak dan keturunan mereka.

RUJUKAN

Abdul Monir Yaacob (2001). Garis Panduan Agama dalam Pengagihan Dana Zakat. Dalam: Nik Mustapha Nik Hassan (penyt.), Kaedah Pengagihan Dana Zakat; Satu Perspektif Islam, Kuala Lumpur, IKIM.

Anuar Muhamad (2008). Perception Of Academicians Toward Zakat Administration Particularly Zakat Distribution: The Case Of Selangor And Kelantan. **IIUM. Unpublished.**

Argyle, Michael (1999). Causes and Correlates of Happiness. In: Kahneman Daniel, Diener, Ed, and Schwartz, Norbert (Eds.), Well-Being: The Foundations of Hedonic Psychology: 353-73, New York, Russell Sage.

Burnell, J.D. & Galster (1992). "Quality of Life and Urban Size: An Empirical Note". Urban Studies **29**: 727-735.

Chapra, M.U. (1992). Islam and the Economic Challenge. Leicester, U.K., The Islamic Foundation.

Cheong Kee Cheok & L.J. Federich (1977). Theory and Measurement of Poverty: Tentatif Views on and Amorphous Topic. Dalam: Poverty in Malaysia, Kuala Lumpur, Persatuan Ekonomi Malaysia.

Ellison C. (1991). Religious Involvement and Subjective Well-Being. Journal of Health and Social Behaviour **32**: 80-99.

Ellison, C.G, D.A. Gay & T.A. Glass (1989). "Does Religious Commitment Contribute to Individual Life Satisfaction?" Social Forces **68**(1): 100-123.

Freeman, R. (1986). Who Escapes? The Relation of Churchgoing & Other Background Factors to the Socioeconomic Performance of Black Male Youths from Inner City Tracts. In: Richard Freeman and Harry Holzer (eds), The Black Youth Employment Crisis, Chicago, University of Chicago Press.

Frey, B. & A. Stutzer (2002). "What Economists Can Learn from Happiness Research?" Journal of Economic Literature **40**: 402-35.

Greene, V.K. & B.J. Yoon (2004). "Religiosity, Economics and Life Satisfaction". Review of Social Economy **62**(2): 245-261.

Hadaway, C.K. (1978). "Life Satisfaction and Religion: A Reanalysis". Social Forces **57** (2): 636-643.

Hair, F.J, W.C. Black, B.J. Babin, Anderson & R.L. Tatham (2006). Multivariate Data Analysis (6th edition). United States, Prentice Hall.

Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Nor (2004). "Kesan Bantuan Zakat Terhadap Kualiti Hidup Asnaf Fakir dan Miskin". The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research **1**(1): 151-166.

Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader (2010a). "Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia". Jurnal Pengurusan JAWHAR **4**(1): 141-170.

Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader (2010b). Pengaruh Faktor Keagamaan Terhadap kepuasan Hidup Individu: Kajian Kes Asnaf Fakir dan Miskin. Dalam: Nor Aini Hj Idris et.al (penyt.), Prosiding Seminar Kebangsaan MACFEA ke 14, Halatuju Penyelidikan Kepenggunaan: Isu dan Cabaran: 480-499.

Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad and Radiah Abdul Kader (2009). "Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat di Malaysia: Mengapakah Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati?" Jurnal Syariah **17**(1): 89-112.

Hassan M.K. & J.M. Khan (2007). "Zakat, External Debt and Poverty Reduction Strategy in Bangladesh". Journal of Economic Cooperation **28**(4): 1-38.

Hull, B. (2000). "Religion Still Matters". The Journal of Economics **24**: 35-48.

Iannaccone, L. (1998). "Introduction to the Economics of Religion". Journal of Economic Literature **36**: 1465-95.

Laporan Zakat (2008). Kuala Lumpur, Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan.

Mannan, M.A. (1986). Islamic economics: Theory and Practice. Cambridge, Hodder and Stroughton.

Mannan, M.A. (2003). Public Sector Management of Zakat. In: Hannan S.A. (eds.), Zakat and Poverty Alleviation, Dhaka, Islamic Economics Research Bureau.

Md Zhahir Kechot (1996). Kemudahan Asas dan Kemiskinan Luar Bandar: Kajian Kes di Bachok. Dalam: Chamhuri Siwar dan Nor Aini Hj. Idris (penyt), Kemiskinan Dalam Arus Pembangunan Ekonomi Malaysia, Bangi, Penerbit UKM.

Mohamed Dahan Abdul Latif (1998). Zakat Management and Administration in Malaysia (Kertas kerja Seminar of Zakat and Taxation, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia).

Mohd Ali Mohd Noor, Hairunizam Wahid dan Nor Ghani Md Nor (2004). "Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Kalangan Kakitangan Profesional Universiti Kebangsaan Malaysia". Islamiyyat **26**(2): 59-68.

Mohd Parid Syekh Ahmad (2001). Kaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif Islam. Dalam: Nik Mustapha Nik Hassan (penyt.), Kaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif Islam, Kuala Lumpur, IKIM.

Muhammad Syukri Salleh (2006). Lokalisasi Pengagihan Zakat: Satu Cadangan Teoretis. Dalam: Hailani & Abdul Ghafar (penyt), Zakat: Pensyariatan, Perekonomian & Perundangan, Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Naziruddin Abdullah & A.M. M.Shabri (2003). "The Influence of Religiosity, Income and Consumption on Saving Behavior: The Case of IIUM". Iqtisad Journal of Islamic Economics **4**(1): 37-55.

Rosmalini Zulkefli (1998). Kajian Impak Sosioekonomi Amanah Ikhtiar Malaysia; Satu Kajian Kes di Parit, Perak. Tidak diterbitkan.

Sadeq, A.H.M. (1988). "Islamic Perspective on Monetary and Fiscal Policies and Their Implications on Economic Development". Analisis 3(1&2): 123-140.

Schieman, S., K. Nguyen & Elliott (2003). Religiosity, Socioeconomics Status and the sense of Mastery. Social Psychology Quarterly 66(3): 202-221.

Sirageldin, I. (2000). "Elimination of Poverty: Challenges and Islamic Strategies". Islamic Economic Studies 8(1): 1-16.

Siti 'Adila Abu Bakar (1999). Islam Attributes in Consumer Decision-making: An Empirical Study in Singapore. **Tidak diterbitkan.**

Unit Perancang Ekonomi (2002). *Kualiti Hidup Malaysia 2002*. Kuala Lumpur, Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

Wan Zuriani Wan Yusof (1997). *Kemiskinan dan Pembangunan: Satu Kajian kes Terhadap Setinggalan di Kuala Lumpur*. **Tidak diterbitkan**.

Wess, H. (2002). "Reorganizing Social Welfare among Muslims: Islamic Voluntarism and Other Forms of Communal Support in Northern Ghana". Journal of Religion in Africa **32**(1).

Zainal Abidin Jaffar (2003). *Pengalaman JAKIM dan Kementerian Luar Bandar dalam Menangani Masalah Kemiskinan (Kertas kerja Bengkel Kebangsaan Kemiskinan dan Jaminan Sosial Asnaf Fakir dan Miskin, Di UiTM Melaka)*.



JAWHAR

www.jawhar.gov.my

ISSN 1985-2010



9 771985 201003

JABATAN WAKAF, ZAKAT DAN HAJI (JAWHAR)

JABATAN PERDANA MENTERI

Aras 7, Blok E2, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62502 PUTRAJAYA

Tel: 603-8883 7400, Faks: 603-8883 7406